

06/03/2001

Ketua Menteri: Pemimpin Sabah tidak senada

KOTA KINABALU, Isnin - Pemimpin politik di Sabah masih tidak senada berhubung sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri kerana ada yang mahu ia dihapuskan dan ada juga yang mahu ia diteruskan.

Namun, mereka akur menyerahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membuat keputusan muktamad mengenainya.

Di TUARAN, bekas Presiden Ketua-Ketua Masyarakat Sabah, Laugan Terki, berpendapat sistem penggiliran Ketua Menteri yang dipraktikkan Barisan Nasional (BN) sejak 1994 itu perlu dihapuskan.

Katanya, pemansuhan sistem itu akan membawa manfaat kepada penduduk secara keseluruhan dan negeri ini dan jika penggiliran itu diteruskan, ia hanya menguntungkan segelintir pihak.

Ketika menghubungi Berita Harian, beliau berkata pimpinan kerajaan perlu mengambil keputusan bijak berhubung isu penggiliran untuk mengelakkan timbul masalah baru.

"Adalah lebih baik jika sistem kepemimpinan di negeri ini kembali kepada keadaan asal iaitu hanya dipimpin seorang Ketua Menteri di kalangan wakil rakyat yang diterima semua pihak dan mampu melaksana tugas secara berkesan," katanya.

Di KOTA KINABALU, Ketua Pergerakan Pemuda Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Bersatu (Upko), Datuk Kalakau Untol, pula berpendapat integrasi di kalangan parti komponen BN Sabah akan terus mantap jika sistem penggiliran yang diamalkan sekarang diteruskan.

Katanya, perkongsian kuasa yang diamalkan BN sekarang bukan sahaja mewujudkan persefahaman erat di kalangan parti komponen, bahkan berjaya menyatupadukan rakyat di negeri ini.

"Justeru, tiada sebab kenapa penggiliran Ketua Menteri yang selama ini berjaya menstabilkan politik negeri ini dimansuhkan," katanya selepas mempengerusikan perbincangan khas dengan semua Ketua Pemuda Upko Bahagian berhubung isu penggiliran Ketua Menteri, di sini.

Sistem penggiliran itu diperkenalkan bagi memberi peluang kepada tiga kaum utama - Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina - memegang jawatan Ketua Menteri secara bergilir setiap dua tahun.

Sejak sistem itu diperkenalkan, sudah lima Ketua Menteri memegang jawatan itu iaitu Tun Sakaran Dandai (sekarang Yang Dipertua Negeri Sabah), Datuk Salleh Tun Said, Datuk Yong Teck Lee, Tan Sri Bernard Dompok dan Datuk Osu Sukam yang akan tamat tempohnya pada 18 Mac ini.

Di PENAMPANG, Presiden Upko, Tan Sri Bernard Dompok yang ditemui selepas majlis penerimaan borang kemasukan ahli baru Upko enggan memberi sebarang komen berhubung isu sistem penggiliran Ketua Menteri.

"Adalah tidak adil bagi saya memberi komen pada masa ini dan saya rasa lebih adil kita memberi peluang kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan mengenainya.

"Lagipun saya adalah antara pemimpin komponen BN Sabah yang sudah menghantar pandangan kepada Perdana Menteri mengenai isu itu.

"Kita tunggu apa keputusan Perdana Menteri mengenai perkara itu. Selepas itu barulah saya akan memberi komen," katanya.

Di TANJUNG ARU, Presiden Parti Angkatan Keadilan Rakyat (Akar), Datuk Pandikar Amin Mulia berkata, semua pihak perlu memberi peluang kepada Perdana Menteri memikir dan memutuskan berhubung isu penggiliran itu.

Katanya, Perdana Menteri sendiri sudah menyatakan sistem itu menyebabkan 'itik tempang' dan ia cenderung menimbulkan Ketua Menteri tidak berkesan.

"Sehubungan itu, biarlah kita menunggu jawapan dari Perdana Menteri berhubung isu itu kerana semua pemimpin komponen BN Sabah sudah memberi pandangan masing-masing.

"Saya sendiri ingin tahu sama ada sistem penggiliran akan diteruskan atau dimansuhkan, sekali gus ingin tahu siapakah bakal menjadi Ketua Menteri. Oleh itu, kita tunggu saja keputusan Perdana Menteri," katanya.

Pandikar Amin yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagaimanapun berkata jika sistem itu menyebabkan masalah 'itik tempang', maka ia perlu diubah dan diperbaiki.

Bagaimanapun, katanya, Akar memberi sokongan penuh dan kepercayaan kepada Perdana Menteri membuat keputusan yang terbaik kepada negeri ini.

(END)